



MAJLIS DAERAH KERIAN

BIL. 1 / 2019
www.mdkerian.gov.my

**BULETIN
MDK**



Program Publisiti dan Penyertaan Awam :

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH KERIAN 2035
Dan Pelancaran Pelan Stategik MDKerian 2019-2023





Perutusan Yang Dipertua

S I D A N G R I D A K S I

PENASIHAT :

PN. NORHAFISAH BINTI MOHAMAD

KETUA EDITOR :

EN. AZIZUL NAZLI BIN HJ. ABD HADI

EDITOR :

PN. NORAZIAH BINTI ZAINOL ABIDIN

PN. FATIMAH BINTI MAN

PN. SALIZA BINTI ISA

PN. NOORSHALINA BINTI PIN

EN. SHEIKH HALIM BINTI SAMSUDIN

EN. MOHD HAFIZ BIN YAHYA

PN. NORMEZURA BINTI MEHAT

PN. NOORSHEZAN BINTI SA'ADAN

PN. SOLEHAH BINTI SAAD

PN. NORSHAHIDA BINTI NAWAYI @NAWAWI

JURUGAMBAR :

EN. ZAINURUL HISHAM BIN ZAINAL ABIDIN

EN. ROSMIZAN BIN OSMAN

Isi Kandungan

3 ANUGERAH PERSARAAN DAN PERKEMBANGAN CEDERERAH 2018-2019
SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKEMBANGAN CEDERERAH 2018-2019

4 PROGRAM NEGOJIHAN DAN KERJA SAMA
DRAK RANCANGAN TEMPATAN
PERGIGITAN DAN PENYELARUSAN
PADA STRATEGIK 2035

5 RENGKANG PENYELARUSAN PELAN STRATEGIK
CARA MELAKUKAN BONANZA DI KERIAN
TAKSIMA PEMAHAMAN REPORTOFO

6 KEGIATAN PENGETAHUAN DAN
KENDRASAN UNTUK KERJA JAKIM
PARTI DAN BANGUNAN SAR
KATA PERANCANG BANDAR DAN DESA

7 KURSUS PEMANTAPAN AIDIL
PERSEKITARAN BERBAGI (KEBE)

8 SENAMPAKAN BANTUAN SEMPERNA
AIDILFITRI
IPAT SAMAD DAN KELAS SUJUAN
DAN KERJAKUAN

9 VALUASI SAMPAH MASA AGUSTUS 2019

10 FAKULTAS KREASIVITAT KESAKUAN
AUDIT KESALAHAN PERKHIDMATAN PEDAL
AUDIT TEKNIK KESALAHAN PESTERIKAN
TIGA KEBULUH TENARAH
TUSAHS PENGETAHUAN ASTI KERIAN

11 PROGRAM TOWNHALL
PROGRAM HARI SEBELUMI PELANGGAN

12 MELAYURIKAN KIGONG KELASUKAN
DAN KERJA
PENGUATUSSAN JAPANIKAN
TANPA KELULUSAN

13 SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT
PIMAR BERKAU TEMPATAN
PERLAWANAN PESSAKHATAN
BOLA SEPATU VS PIALA KSK

14 19 EDCO MENTALINI PENTAGA & BAZAR
PERTANDINGAN GERAJ BAZAR RAMADAN
PROGRAM TUKUN PADANG

15 MENERANTAU MULYA MDR
SATUAN DINIHANG DAN TERIMA KASIH
DI ATAS KEMAHAT BARTI YANG
TELAH DISERIKAN
SELAMAT BERSAMA

16 BERGAMA MEMBUDAYAAN
KESEHATAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan inayah dan kurnia-Nya buletin Majlis Daerah Kerian edisi pertama bagi tahun 2019 telah berjaya diterbitkan. Ini merupakan hasil kerjasama dan komitmen sidang redaksi majlis dalam usaha menerbitkan buletin ini .

Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan yang memberi impak kepada keseluruhan pentadbiran dan pembangunan di dalam kawasan pentadbiran majlis antaranya perancangan Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian dan program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035.

Pihak pengurusan tertinggi majlis juga telah berjaya menghasilkan buku Pelan Perancangan Strategik Majlis Daerah Kerian 2019-2023. Pelan perancangan strategik yang telah dihasilkan ini amat penting kerana ia merupakan 'blue print' yang menjadi asas rujukan bagi menentukan hala tuju majlis untuk masa akan datang. Melalui pelan perancangan strategik yang baharu ini diharapkan perancangan kerja akan menjadi lebih baik, terancang, bersistematis dan tersusun dalam memperkuuhkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan penduduk di daerah Kerian .

Selain dari itu, Program Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Tempatan Daerah (penggantian) 2035 telah dilancarkan bertujuan menggalakkan masyarakat setempat untuk sama-sama terlibat dalam perancangan pembangunan masa depan di dalam daerah Kerian. Pihak majlis sangat mangalu-alukan cadangan dan pandangan daripada penduduk setempat melalui roadshow yang akan diadakan di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti.

Saya juga telah merancang aktiviti dengan semua pihak untuk menyahut seruan kerajaan dalam perlaksanaan kempen Sustainable Development Goals (SDG) melalui aktiviti kitar semula, gotong-royong dan kempen "Katakan Tidak kepada Beg Plastik". Justeru, kerjasama daripada semua pihak amatlah diharapkan supaya SDG ini dapat direalisasikan. Akhir kata saya mewakili seluruh anggota kerja Majlis Daerah Kerian mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang beragama islam.

Sekian, Terima Kasih

Helmi bin Yusof@Jusoh , AMP
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

ANUGERAH PERSARAAN DAN PERKHIDMATAN CEMERLANG 2018/2019

29 Mac - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Persaraan Majlis Daerah Kerian bagi tahun 2018/2019 telah diadakan di Dewan Merdeka, Parit Buntar. Majlis tersebut diadakan bagi menghargai 33 warga kerja majlis yang telah mencapai prestasi yang cemerlang dan membanggakan sepanjang tahun 2018 berdasarkan laporan penilaian prestasi tahunan (LNPT) yang telah dikemukakan oleh jabatan masing-masing dan majlis tersebut juga turut menghargai 7 orang kakitangan yang telah bersara.

Pihak tertinggi majlis mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam kerja yang telah diberikan dan diharapkan ia akan menjadi contoh serta pembakar semangat kepada anggota kerja yang lain bagi membolehkan mereka mendapat pengiktirafan seperti ini. Pihak majlis juga ingin merakamkan penghargaan kepada pesara yang telah menabur bakti dan jasa di sepanjang mereka berkhidmat bersama pihak majlis.



SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2018/2019

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	JOHARI BIN AHMAD	PEMBANTU AWAM
2	ANNUAR BIN ABDUL MANAF	PENOLONG JURUTERA
3	MOHD SAID BIN OTHMAN	PEMBANTU AWAM
4	EHSAN BIN AHMAD	PEMBANTU AWAM
5	SAAD BIN AWANG	PEMBANTU AWAM
6	AYOB BIN CHE RUS	PEMBANTU AWAM
7	AZIZAN BIN SAID	PEMBANTU AWAM

8	IDRIS BIN ZAHAK	PEMBANTU AWAM
9	MOHD SOFIAN BIN MAT LAZIM	PEMBANTU AWAM
10	KAMALESWARY A/P YANASEGRAN	PEMBANTU TADBIR
11	NOR SAPINA BINTI AHMAD	PEMBANTU TADBIR
12	ROHAIMA BINTI ABDUL RASHID	PEMBANTU TADBIR
13	SOLEHHAH BINTI SAAD	PEMBANTU TADBIR
14	DHEEBAN A/L BASKARAN	PEMBANTU PENGUATKUASA
15	HADI BIN RAHMAN	PEMBANTU TADBIR

PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM : DRAFT RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2035 (PENGGANTIAN) DAN PELANCARAN PELAN STRATEGIK 2019-2023



25 Jun - Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035(penggantian) dan Pelancaran Pelan Strategik 2019-2023 Majlis Daerah Kerian telah diadakan di Dewan Merdeka, Parit Buntar. Program ini dirasmikan oleh YB Encik Paul Yong Choo Kiong, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baharu. Turut sama hadir di majlis berkenaan ialah Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan YB Encik Abdul Yunus bin Jamhari; Exco Komunikasi Multimedia, NGO dan Pembangunan Koperasi YB. Encik Hasnul Zulkarnain bin Abdul Munaim; Timbalan Ketua Pengarah PLANMalaysia, Puan Rohani binti Md. Hashim, Pegawai Daerah Kerian, Tuan Haji Mohd Sabli bin Bakri, dan ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri serta wakil-wakil penduduk.

Sesi pendengaran awam akan diadakan bermula pada 26 Jun sehingga 24 Julai 2019 di beberapa lokasi antaranya Dewan Komuniti Bagan Serai, Pasaraya Mydin Parit Buntar, perkarangan Bukit Merah Laketown Resort, Dewan Serbaguna Gunung Semanggol, Dewan JKKK Tg. Piandang dan di lobi utama majlis. Orang ramai khususnya penduduk di daerah Kerian boleh memberi pandangan, cadangan dan bantahan kepada pihak majlis berkaitan perancangan kemajuan di dalam daerah kerana penglibatan orang ramai amat penting bagi memastikan perancangan akan lebih terancang, bersistematis dan mampu mencapai kehendak stakeholder dan kepuasan kepada penduduk di daerah Kerian.



BENGKEL PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK

Tarikh : 23 Januari 2019
Tempat : Dewan Seri Kerian



CABUTAN MEGATUNAI BONANZA SIRI KE-2

Tarikh : 15 - 17 Mac 2019
Tempat : Perkarangan Lobi Majlis




KURSUS PEMAHAMAN MYPORTFOLIO

Tarikh : 1-2 April 2019
Tempat : Dewan Seri Kerian
Penceramah : En. Norazi Bin Abd Wahid
*Bahagian Pembangunan Kompetensi,
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)*



TAKLIMAT PEMURNIAN AMALAN 5S

Tarikh : 16 Januari 2019
Tempat : Bilik Alamanda
Penceramah : Puan Kasturi Devi A/P Panna



TAKLIMAT PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN, AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN DAN AKTA PERANCANG BANDAR DAN DESA

9 April 2019 (Selasa) - Taklimat Perundangan dan Penguatan kuasaan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan Akta Perancang Bandar dan Desa telah diadakan di Bilik Alamanda Majlis Daerah Kerian. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Syahrul 'Azrin bin Ghazali (Penasihat Undang-undang Bandaraya MBI). Seramai 40 orang anggota majlis melibatkan ketua-ketua jabatan, ahli majlis, anggota penguat kuasa dan penolong jurutera telah hadir ke sesi taklimat ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam berkaitan akta dan undang-undang yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan.



KURSUS PEMANTAPAN AUDIT PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S)

22 & 23 April 2019 (Isnin & Selasa) - Kursus Pemantapan Audit Persekitaran Berkualiti (QE/5S) telah diadakan di Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian. Kursus ini diadakan untuk memantapkan tadbir urus Majlis Daerah Kerian ke arah pensijilan 5S. Kursus ini telah disampaikan oleh Puan Kasturi Devi a/p Panna dari pihak Malaysia Productivity Corporation (MPC). Pihak majlis berbesar hati kerana Dr. Sugumaran Muniretnam dapat turut sama hadir memberi penerangan dan berkongsi maklumat amalan 5S berkualiti serta melawat di seluruh kawasan majlis untuk melihat secara keseluruhannya dan memberi pandangan amalan 5S yang lebih praktikal. Diharapkan dengan adanya kursus ini, anggota kerja Majlis Daerah Kerian dapat mengubah suasana persekitaran ke arah pensijilan 5S.



PROGRAM GOTONG ROYONG DAN KITAR SEMULA

5 Julai - Program Gotong-Royong 5S dan Kitar Semula ini telah berlangsung di perkarangan Wisma Majlis Daerah Kerian yang dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Helmi bin Yusof@ Jusoh. Turut hadir sama dalam program ini, Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, semua ketua jabatan dan staf MDK. Dalam program ini juga, MDK melancarkan Program Kitar Semula dengan menggunakan slogan "KATAKAN TIDAK KEPADA BEG PLASTIK, LESTARIKAN ALAM SEKITAR TANPA BEG PLASTIK".



MESYUARAT YB. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BERSAMA DATUK BANDAR / YANG DIPERTUA DAN SETIAUSAHA PIHK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK

7 Mac - Majlis Daerah Kerian telah dipilih sebagai urus setia bagi Mesyuarat YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bersama Datuk Bandar/ Yang Dipertua dan Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan yang diadakan di Bilik Alamanda Majlis Daerah Kerian. YB. Zainal Azman bin Abu Seman juga sempat meluangkan masa beramah mesra bersama anggota kerja majlis dan melawat sekitar pejabat majlis. Yang Dipertua Majlis juga menyampaikan taklimat berkaitan perancangan dan pembangunan daerah Kerian kepada semua ahli sebelum mesyuarat dimulakan.



BENGKEL PELAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENINGKATAN HASIL

15 - 17 Mac - Bengkel Pelan Perancangan Strategik & Peningkatan Hasil Majlis Daerah Kerian 2019 telah diadakan di Hotel Flamingo, Pulau Pinang yang melibatkan semua pengurusan tertinggi majlis, ahli majlis dan anggota kerja dari kumpulan sokongan II. Pihak pengurusan telah menjemput Prof.Madya Dr. Che Azlan Taib, Timbalan Dekan Universiti Utara Malaysia bagi membantu serta memberi tunjuk ajar dalam penyediaan pelan tersebut. Yang Dipertua majlis turut sama hadir pada majlis penutup bengkel berkenaan dan beliau mengharapkan pelan perancangan strategik yang dirancang ini dapat membantu dalam perancangan majlis pada masa akan datang serta mencapai misi dan visi majlis.



KUNJUNGAN HORMAT KE IPD KERIAN

5 Mac 2019 - Satu kunjungan hormat ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kerian telah diadakan dan diketuai oleh Setiausaha majlis Puan Norhafisah binti Mohamad . Rombongan ini disambut baik oleh Ketua Polis Daerah Kerian, Superitenden Omar Bakhtiar bin Yaacob bersama semua pegawai IPD Kerian. Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan ahli majlis kepada kepada Ketua Polis Daerah dan berkongsi maklumat berkaitan tugas kerja majlis dan pihak PDRM serta mengeratkan lagi hubungan diantara kedua-dua agensi.



PENYAMPAIAN BANTUAN SEMPENA AIDILFITRI

Pihak pengurusan majlis di bawah Local Agenda 21 (LA 21) Kerian telah melaksanakan program penyampaian bantuan sempena Hari Raya Aidilfitri kepada golongan yang kurang berkemampuan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kerian. Sumbangan disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis, Puan Setiausaha Majlis dan ahli-ahli majlis di kawasan parlimen Parit Buntar dan Bagan Serai. Semua penerima bantuan menerima sumbangan barang dapur dan kuih raya bagi persiapan untuk menyambut Aidilfitri.

Parit Buntar



Bagan Serai



IFTAR RAMADAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN



Tarikh : 23 Mei 2019
Tempat : Dewan Seri Kerian Parit Buntar
Penceramah : Ustaz Nazri bin Hanafi



MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI 2019

29 Jun - Majlis Ramah Mesra Aidilfitri sempena sambutan hari raya aidilfitri bagi tahun 2019 telah diadakan di Dewan Kerian Permai dan disambut meriah dengan kehadiran hampir 1000 orang tetamu daripada agensi-agensi kerajaan, swasta, agensi teknikal, pihak sekolah, pihak kontraktor dan juga orang awam. Yang Dipertua Majlis dalam ucapan beliau merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah hadir memeriahkan majlis ini dan menyatakan program ini adanya sedikit kelainan kerana diadakan di dalam dewan berbeza pada tahun sebelumnya kerana diadakan di perkarangan majlis.

Pelbagai juadah disediakan oleh setiap jabatan dalam Majlis Daerah Kerian untuk tetamu yang hadir. Pihak pengurusan juga telah mengadakan pertandingan hiasan terbaik booth makanan terbaik serta pakaian kanak-kanak terbaik untuk pengunjung yang hadir.

Selain dari itu, pihak majlis juga turut menyampaikan hadiah utama Cabutan Megatunai Bonanza kepada pembayar cukai yang bertuah pada majlis berkenaan yang disempurnakan oleh YB Encik Abdul Yunus bin Jamhari Exco Kerajaan Negeri Perak. Yang Dipertua serta Setiausaha majlis turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir.





TAKLIMAT KESELAMATAN KEBAKARAN

26 April - Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan MDK telah mengadakan satu taklimat kepada semua anggota kerja majlis berkaitan keselamat kebakaran. Taklimat ini disampaikan oleh jabatan bomba dan penyelamat Parit Buntar di Bilik Alamanda. Satu demonstrasi memadam kebakaran juga dilakukan bersama semua anggota kerja yang hadir



AUDIT TEKNIKAL KESIHATAN PERSEKITARAN PIHAK BERUASA TEMPATAN



Tarikh : 16 April 2019
Auditor : Encik Zulkifli bin Mohammad
Encik Abdul Jamal bin Abd Razak

AUDIT KESELAMATAN PEKERJAAN JKKP PERAK



Tarikh : 22 Mei 2019
Auditor : Puan Kartini binti hasyim
Puan Asmah Laili binti Sapieh

KURSUS PENGURUSAN ASET KERAJAAN

13 & 14 Mei 2019 (Isnin & Selasa) - Kursus Pengurusan Aset Kerajaan telah diadakan di Majlis Daerah Kerian. Kursus ini disertai oleh warga pekerja Majlis Daerah Kerian. Kursus ini telah disampaikan oleh Intan Certified Trainer, Encik Meor Saharizan bin. Meor Idris dari Institut Tadbiran Awam Negara Wilayah Utara (INTURA).





PROGRAM TOWNHALL

Tarikh : 23 Januari 2019
 Tempat : Dewan Komuniti
 Tujuan : Kebersihan di Pasar Awan
 Bagan Serai



Tarikh : 24 Mei 2019
 Tempat : Pejabat Penghulu Tg. Piandang
 Tujuan : Projek pembangunan Pasar
 Sejahtera Tg. Piandang



Tarikh : 13 Jun 2019
 Tempat : Bilik Alamanda
 Tujuan : Kerja mendaktaraf pusat penjaja
 Jalan Maharaja Bagan Serai



PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN

Tarikh : 1 Januari 2019
 Tempat : Kuala Kurau
 Anjuran : Dun Pusat Khidmat Dun Kuala Kurau



Tarikh : 28 Februari 2019
 Tempat : Pekan Baru
 Anjuran : Dun Pusat Khidmat Dun Titi Serong



Tarikh : 28 Februari 2019
 Tempat : Bagan Tiang
 Anjuran : Dun Pusat Khidmat Dun Titi Serong





MESYUARAT AGONG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN

26 Mac - Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Kerian telah mengadakan Mesyuarat Agong tahunan bagi penggal 2019/2020 bertempat di Dewan Merdeka, Parit Buntar. Mesyuarat tahunan ini telah dirasmikan oleh Tuan Helmi bin Yusof@ Jusoh Yang Dipertua MDK merangkap penaung Kelab Sukan dan Kebajikan MDK. Pada mesyuarat kali ini turut diadakan pemilihan untuk melantik jawatankuasa yang baru dan semua anggota kerja majlis mengharapkan jawatankuasa yang baru dilantik ini dapat menjalankan amanah yang diberikan untuk memacu Kelab Sukan dan Kebajikan ke arah yang lebih cemerlang.



PENGUATKUASAAN PAPAN IKLAN TANPA KELULUSAN

Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Harta telah mengadakan operasi penguatkuasaan billboard tanpa kelulusan dengan kerjasama Jabatan Penguat Kuasa dan Unit Landskap di sepanjang jajaran lebuhraya Utara Selatan di dalam kawasan daerah Kerian. Semua billboard yang tidak mendapat kelulusan diberi notis untuk mengemukakan permohonan kepada pihak majlis dan sekiranya pemilik ingkar selepas notis tamat tempoh, tindakan meruntuh akan dilaksanakan. Sepanjang operasi dilaksanakan, pihak majlis telah mengesan 149 billboard haram melibatkan 14 syarikat.



SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT PIHK BERKUASA TEMPATAN



8 Mac 2019 (Jumaat) - Program Senamrobik telah diadakan di Majlis Daerah Kerian sempena Sambutan Hari Wanita 2019 peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Daerah Kerian. Turut hadir dalam program ini Puan Norhafisah Binti Mohamad (Setiausaha Majlis Daerah Kerian). Program ini diketuai oleh Puan Maznah Ismail bersama rakan-rakan daripada jawatankuasa LA21 Kerian. Antara agensi-agensi yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah dan Tanah, AADK, KPDNKK, anggota kerja MDK serta orang awam.



PERLAWANAN PERSAHABATAN



MDK FC VS MAJLIS BANDARAYA IPOH (MBI)

Tarikh : 1 Februari 2019



MDK FC VS MD Batu Gajah

Tarikh : 22 Februari 2019



MDK FC VS MD Selama

Tarikh : 8 Mac 2019



MDK FC VS Bomba Perak

Tarikh : 18 April 2019

BOLA SEPAK 9S PIALA KSK



17 Mac 2019 - Biro Sukan KSK MDK telah menganjurkan satu kejohanan bola sepak tertutup melibatkan ahli KSK. Sebanyak 8 pasukan telah mengambil bahagian didalam kejohanan tersebut. Johan dimenangi oleh pasukan Fevanova dari Jabatan Perancang Bandar dan Lanskap. Hadiah disampaikan oleh Puan Norhafisah binti Mohamad merangkap pengurus KSK MDK dan turut dihadiri oleh ahli majlis.



YB EXCO MENYANTUNI PENIAGA BAZAR

14 Mei - Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Harta Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu program menyantuni peniaga-peniaga bazar dan ekspo aidilfitri di tapak Stadium mini Bagan Serai bersama YB Encik Abdul Yunus bin Jamhari Exco Kerajaan Negeri Perak bagi mendengar pemasalahan yang dihadapi oleh para peniaga.

Program ini dilaksanakan kerana terdapat rungutan daripada peniaga berikut perubahan tapak perniagaan dari kawasan pusat bandar ke kawasan yang baru. Peniaga memaklumkan kawasan yang baru ini kurang menjadi tumpuan dan menyebabkan pendapatan mereka merosot. Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Setiausaha Majlis, Ahli-ahli Majlis serta ketua-ketua jabatan turut sama hadir ke program berkenaan.



PERTANDINGAN GERAI BAZAR RAMADAN

Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Harta MDK dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kerian telah mengadakan pertandingan gerai bazar bersih untuk peniaga-peniaga di tapak bazar ramadan. Pertandingan ini dianjurkan sebagai salah satu usaha memastikan peniaga makanan mematuhi syarat yang telah diberikan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan aspek kebersihan, amalan pengendalian makanan yang baik serta menjamin kualiti mutu makanan.

Parit Buntar



Bagan Serai



PROGRAM TURUN PADANG

Tarikh	: 18 Januari 2019
Lokasi	: Taman Wawasan Parit Buntar
Tujuan	: Menyelesaikan masalah lalulintas yang menjelaskan perniagaan



Tarikh	: 11 Februari 2019
Lokasi	: Lembah Beriah dan Taman Serai Permai
Tujuan	: Menyelesaikan isu kebersihan dan penjaja





MENYANTUNI WARGA MDK



Nama : Abdul Rahman bin Mat Nor
Jawatan : Pekerja Am
Tujuan : Melawat rumah pekerja yang mengalami kebakaran



Nama : Abdul Sahim bin Hasan
Jawatan : Pekerja Am
Tujuan : Melawat pekerja yang menghidap penyakit barah usus



Jasamu Dikenang Dan Terima Kasih Di Atas Khidmat Bakti Yang Telah Diberikan

Selamat Maju Jaya

Nama	: Tpr. Kok Lai Kuan
Jabatan	: OSC
Tempoh berkhidmat	: 1 April 2014 - 1 April 2019
Berpindah	: Bahagian Perundangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)

SELAMAT BERSARA



Solo Narzan A/L Alagaram



Fatimah binti Man



Ehsan bin Ahmad

Bersama Membudayakan Kebersihan



Tarikh : 18 Mac 2019
 Lokasi : Pasar Awam Bagan Serai
 Penglibatan: MDK, ahli majlis dan Peniaga



Tarikh : 13 Mac 2019
 Lokasi : Pasar Awam Lama
 Tg. Piandang
 Penglibatan: AADK, JPAM, PSKK, penduduk setempat



Tarikh : 20 Mac 2019
 Lokasi : Taman Pekan Baru
 Penglibatan: MDK, PKD Kerian, RELA dan penduduk



Tarikh : 20 Januari 2019
 Lokasi : Pekan Tg. Piandang
 Penglibatan: YB Exco, MDK, PKD Kerian, Bomba sukarela, PSKK, penduduk setempat



MAJLIS DAERAH KERIAN

NO. 1, WISMA MDK, JALAN PADANG,
 34200 PARIT BUNTAR, PERAK

TEL : 05 - 716 1228
 FAKS : 05 - 716 9268
 EMEL : PENTADBIRAN@MDKERIAN.GOV.MY